

November 7, 2023

FPHP BULLETIN HOT & TOUR

NEWSLETTER VOL. 2/2023

"Together, We Make it Great!"

FPHP 2023 EVENTS & ACTIVITIES

ACADEMIC TRIP TO UNESCO WORLD
HERITAGE SITE IN GEORGETOWN, PENANG

Knowledge Transfer on Food and Beverage
Industry by Mandarin Hotel Doha, Qatar

Kursus Etika di Meja Makan

2023 HIGHLIGHTS

HADRAH 7.0

PERTANDINGAN

'BATTLE OF EMPOWER BARISTA ART'

Afternoon Tea: A Timeless Tradition
(HTP283- Cafe Service Operation)



Faculty of Hotel & Tourism Management

Universiti Teknologi MARA

Cawangan Pulau Pinang

13500 Permatang Pauh, PENANG

Tel: 04 3823888 Fax: 04 3823861

HOT & TOUR NEWSLETTER

NOV. VOL. 2/2023

<https://anyflip.com/homepage/oistf>

https://is.gd/fphpnewsletter_penanguitm

ISSN 2231-7422

Menyantuni Masyarakat Sambil Beramal

Oleh: Ahmad Redhuan Abu Bakar, Siti Aisyah Tumin, & Saiful Bahri Mohd Kamal

Fakulti Pengurusan Hotel & Pelancongan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Pulau Pinang, Kampus Permatang Pauh telah menunjukkan komitmen yang tinggi di dalam membina hubungan kemasyarakatan dan tanggungjawab sosial melalui program Corporate Social Responsibility (CSR) di Masjid Al Muhajirin Seberang Jaya, Pulau Pinang. Dikala orang lain memanfaatkan waktu hujung minggu mereka bersama keluarga, pada hari Ahad, 19 Mac 2023 bersamaan dengan 26 Syaaban 1444 H yang lalu telah berlangsung aktiviti gotong-royong yang melibatkan warga fakulti serta mahasiswa dan mahasiswi bersama ahli jawatankuasa Masjid Al Muhajirin Seberang Jaya, Pulau Pinang.



Events Highlights



Program HADRAH kali Ke-7 (HADRAH 7.0) merupakan program tahunan bagi Fakulti Pengurusan Hotel & Pelancongan. Sebagai sebuah institusi pengajian tinggi, tanggungjawab melahirkan siswa dan siswi yang berkualiti bagi industri adalah antara agenda UiTM. Walaubagaimanapun, tanggungjawab terhadap komuniti dan masyarakat amat penting bagi merealisasikan misi dan visi UiTM. Objektif utama program ini adalah untuk berkongsi nikmat kesyukuran bersama masyarakat setempat dengan bertemakan "Untukmu, Kerana-Nya". Program ini juga turut dijadikan satu medium dalam mendekatkan komuniti dan universiti. Justeru, aktiviti gotong-royong ini merupakan salah satu pengisian dalam senarai aktiviti program HADRAH 7.0 yang dijalankan sebelum menjelang bulan ramadhan al Mubarak.

Seramai 57 sukarelawan yang terdiri dari 36 pensyarah dan pelajar telah bersama-sama dalam menjayakan aktiviti gotong-royong tersebut. Proses pembersihan dibahagikan kepada beberapa zon mengikut kesesuaian aktiviti pembersihan. Hal ini bagi memastikan kerja pembersihan dapat dilaksanakan secara keseluruhan dan memastikan keselesaan Jemaah masjid ketika melaksanakan solat fardu dan solat sunat tarawih selain mengeratkan silaturahim. Selain itu, turut akan berlangsung pada bulan Ramadhan adalah aktiviti seperti memasak bubur lambuk bersama komuniti setempat, agihan bubur lambuk, penyampaian sumbangan kepada golongan asnaf, serta majlis berbuka puasa bersama komuniti setempat, agensi kerajaan bersama pembesar negeri.

Semua pengisian berkenaan akan dilakukan pada tarikh yang telah dipersetujui pada bulan Ramadhan. Selaku Pengarah Program, Dr. Norhamizan Hamir telah berjaya merealisasikan aktiviti gotong-royong berkenaan. Justeru dengan pelaksanaan program HADRAH 7.0 ini, ia secara tidak langsung dapat memupuk keprihatinan terhadap komuniti setempat dan memberi sumbangan dalam bentuk tenaga selain membentuk keperibadian dan nilai-nilai murni yang baik di kalangan warga serta mahasiswa dan mahasiswa. Secara keseluruhan aktiviti gotong-royong ini telah berjalan lancar dengan kerjasama dan koordinasi ahli jawatankuasa Masjid Al Muhajirin dan Ahli Jawatankuasa HADRAH 7.0.



Faculty of Hotel & Tourism Management
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Pulau Pinang
Permatang Pauh Campus
13500 Permatang Pauh
PENANG
Tel:04 3823888/fax:04 3823681

HOT & TOUR NEWSLETTER
NOV. VOL. 2/2023

ISSN 2231-7422

<https://anyflip.com/homepage/oistf>
https://is.gd/fphnewsletter_penanguitm

Read More On